

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 16 JULAI 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah polisi Kementerian bagi pembekalan ubat di farmasi hospital Kerajaan untuk diagihkan kepada pesakit. Apakah tempoh masa bagi pengagihan ubat dan siapakah yang layak bagi perkhidmatan penghantaran secara pos.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaku pihak yang bertanggungjawab dalam menguruskan perihal pembekalan ubat-ubatan kepada pesakit di fasiliti-fasiliti kesihatan KKM sentiasa menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit.
2. Pembekalan ubat di fasiliti farmasi KKM adalah bergantung kepada preskripsi yang dikeluarkan oleh pegawai perubatan di fasiliti tersebut. Bagi pesakit berpenyakit kronik, pembekalan ubat adalah untuk tempoh sebulan atau dua bulan sahaja. Ini adalah bagi menjamin kualiti ubat yang disimpan di rumah, memudahkan pemantauan kejadian kesan sampingan yang tidak diingini, memastikan kepatuhan pesakit terhadap pengambilan ubat, mengelakkan pembaziran serta mengurangkan risiko berlakunya kesilapan pengubatan akibat stok ubat berlebihan yang boleh disalahguna oleh orang lain.
3. Namun, praktis pembekalan ubat secara susulan telah menimbulkan beberapa kesulitan akibat daripada pesakit perlu hadir beberapa kali ke farmasi untuk mendapatkan bekalan ubat-ubatan seperti kesesakan serta waktu menunggu lama di farmasi, beban kos pengangkutan serta kesuntukan masa bagi pesakit terlibat.
4. Sehubungan itu, untuk mempelbagaikan cara pendispensan bekalan ubat susulan kepada pesakit terlibat, inisiatif Perkhidmatan Tambah Nilai Farmasi telah diperkenalkan terutamanya bagi pesakit dengan preskripsi jangka panjang (melebihi sebulan), antaranya:
 - 4.1 Sistem Pendispensan Ubat Bersepadu (SPUB);
 - 4.2 Sistem Temujanji;
 - 4.3 Farmasi Pandu Lalu;
 - 4.4 Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP); dan
 - 4.5 Locker4U.

SOALAN NO : 14

5. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada pesakit yang stabil dan memahami serta mematuhi cara pengambilan ubat yang betul.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) ialah perkhidmatan pembekalan ubat susulan terus ke lokasi pilihan pesakit melalui pos dengan caj kiriman yang telah ditetapkan yang ditanggung oleh pesakit. Dengan ini pesakit tidak perlu hadir ke kaunter farmasi KKM untuk mendapatkan bekalan ubat susulan seterusnya. Sehingga kini, sejumlah 278 fasiliti KKM (hospital dan klinik kesihatan) menawarkan perkhidmatan ini.

7. Bagi penyediaan ubat-ubatan untuk penghantaran melalui UMP, ianya akan dilaksanakan 10 hari sebelum tarikh bekalan susulan pesakit. Ini adalah untuk memastikan pesakit akan menerima ubat pada tarikh yang ditetapkan supaya bekalan ubat pesakit tidak putus.

8. Mengikut garis panduan Perkhidmatan Ubat Melalui Pos yang diterbitkan pada 2010 oleh Program Perkhidmatan Farmasi KKM, hanya pesakit yang stabil, patuh dan faham mengenai terapi pengubatan serta faham cara penggunaan dan pengambilan ubat akan ditawarkan untuk perkhidmatan ini.

Sekian, terima kasih.